

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perancangan Jabatan Perangkaan Malaysia untuk menyediakan data mikro di laman webnya dan menambah baik pangkalan data awamnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) adalah agensi statistik utama negara yang bertanggungjawab memungut, mentafsir serta menyebarkan perangkaan yang bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara berdasarkan mandat daripada Akta Perangkaan 1965 (Disemak-1989).

2. Dalam memastikan statistik yang diterbitkan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat umum, pihak DOSM telah meningkatkan kebolehcapaian statistik melalui *Stats Alert* di media sosial; dan menyediakan pelbagai kemudahan di laman web Jabatan antaranya:

- i. aplikasi e-statistik bagi memudahkan pengguna mengakses penerbitan secara percuma;

- ii. aplikasi interaktif antaranya penjanaan data penduduk sehingga peringkat daerah melalui Population Quick Info;
 - iii. penjanaan data borong & runcit hingga peringkat daerah melalui aplikasi i-DT;
 - iv. METS Online bagi penjanaan data perdagangan luar negeri sehingga 10 digit; dan
 - v. mendapatkan statistik di peringkat daerah melalui aplikasi mobile My Local Stats.
3. DOSM sedar akan keperluan analisis yang lebih terperinci memerlukan data di peringkat mikro selaras dengan peningkatan permintaan data mikro dari pelbagai peringkat pengguna. Bagi memenuhi permintaan ini, DOSM sentiasa menyesuaikan kaedah terbaik dalam pengurusan data mikro dengan menekankan penjagaan kerahsiaan maklumat responden di samping memenuhi keperluan pengguna. Maka, Dasar Penyebaran Data Mikro DOSM telah diwujudkan untuk kawalan dalaman sebagai panduan pembekalan data mikro kepada pengguna.
4. Perkongsian data mikro ini perlu diuruskan dengan teliti dan dipantau penggunaannya selaras dengan amalan *National Statistical Office* (NSO) negara-negara lain. Dasar Penyebaran Data Mikro terpakai untuk semua pengguna data mikro selagi syarat dan prosedur yang ditetapkan dalam dasar ini dipatuhi. Untuk menggalakkan penggunaan data mikro dalam aktiviti saintifik yang lebih meluas, DOSM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan 19 buah universiti di Malaysia untuk dibekalkan data mikro melalui proses *anonymisation*. Berdasarkan rekod DOSM, dari tahun 2015 sehingga September 2019 sebanyak 69 permohonan data mikro telah diterima daripada pelbagai pengguna data mikro dan sebanyak 44 permohonan telah diluluskan dan telah menandatangani *Non-Disclosure Agreement* (NDA).

5. Pelaksanaan transformasi perkhidmatan penyebaran data mikro adalah salah satu daripada inisiatif modenisasi yang telah dirangka dalam Pelan Transformasi Jabatan 2015-2020. Justeru itu, DOSM telah mengambil inisiatif untuk memudahkan Pengguna mengakses data mikro terpilih dengan membangunkan platform *virtual lab* yang dijangka siap pada akhir tahun 2020. Namun begitu, DOSM sentiasa berkongsi data mikro apabila diperlukan dengan memohon secara langsung kepada DOSM untuk pertimbangan lanjut.

Sekian, terima kasih.